



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 09 Tahun 2017

KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pemberian kemudahan Cuti Kuarantin kepada staf UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Kuarantin telah diperuntukkan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti) kepada pegawai yang dalam perjalanan balik ke Malaysia dari luar negara yang ditahan di mana-mana stesen kuarantin oleh pihak berkuasa kesihatan pelabuhan atau lapangan terbang kerana berlaku wabak penyakit berjangkit atau pegawai dikurung di rumahnya oleh mana-mana kuasa kesihatan kerana wabak penyakit berjangkit.
3. Pegawai yang diberi perintah kuarantin adalah layak mendapat cuti bergaji penuh sepanjang tempoh kuarantin selaras dengan peraturan dan ketetapan perkara di atas.
4. Selaras dengan keprihatinan kepada institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak, Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Kuarantin diberikan kepada pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin.

5. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-156 pada 16 Januari 2017 telah bersetuju meluluskan cadangan mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2016: Kemudahan Cuti Kuarantin.

KELAYAKAN

6. Bagi staf yang ingin memohon kemudahan Cuti Kuarantin kelayakan permohonan adalah seperti berikut:

6.1 sekiranya mana-mana anak pegawai telah diberi perakuan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta yang menyatakan anak tersebut perlu dikuarantin kerana penyakit berjangkit, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Kuarantin untuk menjaga anak yang sakit.

6.2 Pegawai yang layak kemudahan Cuti Kuarantin adalah ibu dan bapa yang sah.

6.3 Anak di dalam pekeliling ini adalah termasuk:

- a. **'anak kandung'** bermaksud anak sendiri;
- b. **'anak tiri tanggungan'** bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinannya yang terdahulu yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya;
- c. **'anak angkat *de facto*'** bermaksud seorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [Akta 253];

- d. **'anak angkat'** bermaksud seseorang anak yang telah dibesarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula di bawah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]; dan
- e. **'anak pelihara'** bermaksud seorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

PEMBERIAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN KEPADA PEGAWAI

7. Tempoh yang boleh diluluskan adalah terhadap kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; dan

8. Dengan syarat anak yang dikuarantin adalah:

- a. berumur di bawah 18 tahun atau jika masih belajar di bawah 21 tahun; dan
- b. tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal; dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri, dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.

PELAKSANAAN

9. Kemudahan Cuti Kuarantin hendaklah dilaksanakan seperti berikut:
- a. Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin pada **bila-bila masa** dalam **tempoh perakuan** yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta;
 - b. Senarai penyakit berjangkit yang boleh dipertimbangkan adalah seperti di **Lampiran A**, atau pindaannya yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
 - c. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan beserta perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta dengan menggunakan Borang Permohonan Cuti Kuarantin seperti di **Lampiran B**.

CUTI KUARANTIN DI BAWAH PENJAGAAN SEMENTARA

10. Mana-mana pegawai yang diberikan hak penjagaan selain anak yang dinyatakan di perkara 6.3 di atas, semasa ketiadaan ibu bapa atas apa-apa jua sebab untuk suatu tempoh berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, jika anak itu perlu dikuarantin.
11. Semasa dalam tempoh penjagaan pegawai itu, pegawai boleh diberikan kemudahan Cuti Kuarantin, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling ini.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut tempoh yang boleh diluluskan terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi memenuhi keperluan pegawai itu dalam menguruskan apa-apa perkara yang berhubung peraturan di atas.

13. Bagi permohonan Cuti Kuarantin di bawah perkara 10, kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

TARIKH DIKELUARKAN


14. Pekeliling dikeluarkan pada 22 Februari 2017.

TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Januari 2017.

PEMAKAIAN

16. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA yang berkeelayakan.



AZIDA AZMI

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UITM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil.10/2017)

LAMPIRAN A

SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT

1. Penyakit tangan, kaki dan mulut (*Hand, Foot and Mouth Disease [HFMD]*)
2. Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
3. Campak (*Measles*)
4. *Chickenpox*
5. Difteria
6. Malaria

Nota:

Jenis penyakit berjangkit di atas adalah tertakluk kepada pindaannya/tambahan dari semasa ke semasa.



BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN (PP BIL. 11/2016)

Arahan : Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan jelas dan menggunakan huruf besar

BAHAGIAN I: BUTIRAN DIRI PEGAWAI

1. Nama Penuh : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____
3. Jawatan dan Gred : _____
4. No. Pekerja : _____
5. Jabatan/Bahagian/Unit:
/Fakulti/Kampus : _____

BAHAGIAN II: BUTIRAN ANAK

6. Nama Anak : _____
7. No. Kad Pengenalan/
MyKid/No. Sijil Kelahiran/
Sijil Pendaftaran Pengangkatan : _____
8. Umur Anak : _____ tahun _____ bulan (pada tarikh kuarantin).

(Syarat anak dikuarantin : i. Bawah 18 tahun: ii. Bawah 21 tahun jika masih belajar iii. Dengan tidak mengira usia anak tersebut, sekiranya cacat otak dari segi jasmani dan secara kekal serta tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, dengan syarat kesemua perkara tersebut berlaku ketika usia anak itu di bawah 21 tahun)

9. Hubungan dengan Pegawai Anak kandung
 Anak tiri tanggungan
 Anak pelihara
 Anak angkat *de facto*
 Anak angkat
 Anak jagaan : _____

10. Perakuan Kuarantin mulai dari : _____ (tarikh) hingga _____ (tarikh)

*(*sila lampirkan perakuan kuarantin yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan/swasta dan rekod cuti staf)*

BAHAGIAN III: PENGESAHAN PEGAWAI

11. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di Bahagian I dan II adalah benar. Sehubungan itu, saya memohon kemudahan Cuti Kuarantin selama _____ hari, pada/mulai _____ sehingga _____.

Tandatangan: _____

Tarikh : _____

BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN

12. Permohonan kemudahan Cuti Kuarantin bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN*** pada/mulai _____ sehingga _____ (*tempoh yang boleh diluluskan maksimum 5 hari sepanjang tempoh perakuan*)**

Tandatangan : _____

Nama dan Jawatan : _____
(*cop rasmi*)

Tarikh : _____

*potong mana yang tidak berkenaan
** sila rujuk FAQ PP Bil 11/2016

**FAQ PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2016
KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan perakuan kuarantin?	<p>Perakuan secara bertulis atau melalui sijil sakit oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta.</p> <p>Perakuan atau sijil sakit tersebut hendaklah di atas nama anak yang dijangkiti penyakit berjangkit yang disenaraikan di Lampiran A PP Bil. 11/2016 sahaja atau pindaannya dari semasa ke semasa, bukannya atas nama pegawai.</p> <p>Kemudahan Cuti Kuarantin ini hanya diperuntukkan untuk menjaga anak yang disahkan dijangkiti penyakit yang tersenarai di Lampiran A PP Bil. 11/2016.</p>
2.	Bagaimana pula jika pegawai yang diberi perintah kuarantin?	Pegawai yang diberi perintah kuarantin adalah layak mendapat Cuti Kuarantin bergaji penuh sepanjang tempoh kuarantin selaras dengan peraturan dan ketetapan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti).
3.	Berapakah tempoh kelayakan kemudahan Cuti Kuarantin?	<p>(i) Tempoh yang boleh diluluskan adalah terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes walaupun tempoh perakuan sesuatu kes tersebut adalah melebihi lima (5) hari, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</p> <p>Contoh 1: Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am).</p> <p>Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin terhad kepada maksimum lima (5) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan bagi satu kes kuarantin, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Dalam kes ini, pegawai boleh memohon Cuti Kuarantin mulai 9 Januari 2017 atau pada bila-bila masa dalam tempoh 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017, dan tidak semestinya digunakan lima (5) hari secara berturut-turut.</p> <p>Contoh 2: Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 12 Januari 2017 (4 hari). Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin terhad kepada empat (4) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan tersebut, walaupun kelayakan lima (5) hari.</p> <p>Contoh 3: Tempoh perakuan bermula 9 Januari 2017 hingga 13 Januari 2017 (5 hari). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin selama empat (4) hari sahaja demi kepentingan perkhidmatan walaupun kelayakan lima (5) hari. Oleh yang demikian, baki satu (1) hari tersebut tidak boleh di bawa ke hadapan bagi kes</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>kuarantin yang lain.</p> <p>(ii) Sekiranya anak yang sama/lain dijangkiti penyakit yang berulang atau penyakit lain yang tersenarai di Lampiran A PP Bil. 11/2016, pegawai berkecualan mendapat kemudahan Cuti Kuarantin berdasarkan tempoh perakuan yang dinyatakan.</p> <p>Contoh 1: Pegawai A telah menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin kerana anak sulungnya yang sakit pada 9 Januari 2017 sehingga 13 Januari 2017 (5 hari). Namun begitu, anak beliau sekali lagi telah dijangkiti penyakit yang sama dan diberi tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017. Pegawai A layak mendapat Cuti Kuarantin terhadap kepada maksimum lima (5) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan bagi kes 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 tersebut, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</p> <p>Contoh 2: Pegawai B telah menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin kerana anak sulungnya yang sakit pada 9 Januari 2017 sehingga 13 Januari 2017 (5 hari). Selepas itu, anak keduanya pula dijangkiti penyakit yang sama dan diberi tempoh perakuan bermula 13 Januari 2017 sehingga 20 Januari 2017 (8 hari).</p> <p>Pegawai B layak mendapat Cuti Kuarantin untuk anak keduanya selepas tamat tempoh Cuti Kuarantin anak sulungnya pada 13 Januari 2017. Jika pegawai ingin menggunakan Cuti Kuarantin untuk anak kedua bermula 13 Januari 2017, maka Cuti Kuarantin anak sulungnya perlu dipendekkan kepada 12 Januari 2017.</p> <p>(iii) Sekiranya suami/isteri merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, kedua-dua pegawai suami/isteri layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin maksimum lima (5) hari dan boleh digunakan secara serentak atau secara berasingan terhadap selama tempoh perakuan yang dikeluarkan mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Contoh: Pegawai C dan pegawai D kedua-duanya merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Mereka adalah suami dan isteri. Anak sulung mereka telah dijangkiti penyakit yang tersenarai di Lampiran A PP Bil. 11/2016 dan diberi tempoh perakuan kuarantin bermula 9 Januari 2017 hingga 20 Januari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Justeru, pegawai C dan pegawai D boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin maksimum lima (5) hari secara serentak atau secara berasingan.</p>
4.	Apakah yang dimaksudkan dengan penggunaan Cuti Kuarantin pada bila-bila	Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin pada bila-bila masa dalam tempoh perakuan yang diberikan oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	masa?	<p>Contoh 1: Tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 (9 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin bermula 6 Februari 2017 sehingga 10 Februari 2017 (4 hari) sahaja kerana 9 Februari 2017 merupakan hari kelepasan am (Hari Thaipusam). Justeru, kemudahan Cuti Kuarantin pegawai hanya diluluskan sebanyak empat (4) hari sahaja dan baki satu (1) hari tidak boleh di bawa ke hadapan bagi kes kuarantin yang lain.</p> <p>Contoh 2: Tempoh perakuan bermula 2 Februari 2017 sehingga 13 Februari 2017 (12 hari, termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin bermula 6 Februari 2017 sehingga 13 Februari 2017 (5 hari) sahaja kerana 9 Februari 2017 merupakan hari kelepasan am (Hari Thaipusam), 11 Februari 2017 dan 12 Februari 2017 merupakan hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan. Justeru, kemudahan Cuti Kuarantin pegawai hanya diluluskan sebanyak lima (5) hari sahaja.</p>
5.	Bagaimana sekiranya anak tersebut mengalami hilang upaya kekal selepas berusia 21 tahun?	<p>(i) Syarat anak yang dikuarantin adalah berumur di bawah 18 tahun atau jika masih belajar di bawah 21 tahun; dan</p> <p>(ii) Dengan tidak mengira usia anak tersebut, sekiranya cacat otak dari segi jasmani dan secara kekal serta tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, dengan syarat kesemua perkara tersebut berlaku ketika usia anak itu di bawah 21 tahun.</p> <p>Contoh: Pegawai E mempunyai seorang anak yang berusia 23 tahun yang mengalami hilang upaya kekal kerana mengalami kemalangan jalan raya pada usia anak tersebut 22 tahun. Justeru itu, sekiranya anak tersebut menghidap penyakit berjangkit seperti senarai penyakit di Lampiran A PP Bil. 11/2016, pegawai E tidak layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin kerana anaknya mengalami hilang upaya kekal selepas berusia 21 tahun.</p>
6.	<p>(i) Apakah yang dimaksudkan dengan penjagaan sementara?</p> <p>(ii) Apakah dokumen</p>	<p>(i) Bagi pegawai yang diberi hak penjagaan sementara oleh ibu bapa asal anak selain daripada yang dinyatakan di perenggan 8(a) - (e), PP Bil. 11/2016, untuk apa-apa jua sebab bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, pegawai tersebut layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin. Dalam hal ini, anak pegawai lain bermaksud, anak kepada sesiapa sahaja (penjawat awam atau swasta) asalkan penjaga tersebut merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diberikan hak penjagaan semasa ketiadaan ibu dan bapa atas apa-apa jua sebab.</p> <p>(ii) Perakuan bertulis bagi hak penjagaan bagi suatu tempoh</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<p>pengesahan penjagaan sementara yang diperlukan?</p>	<p>yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan hendaklah diberikan oleh ibu atau bapa kepada penjaga sementara yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.</p> <p>Contoh 1: Pegawai F telah diberi hak penjagaan sementara oleh jirannya (pekerja swasta), untuk menjaga anak mereka yang berusia 7 tahun selama dua (2) bulan kerana bertugas di luar negara. Sekiranya anak jagaan tersebut didapati menghidap penyakit berjangkit seperti senarai penyakit di Lampiran A PP Bil. 11/2016, pegawai F layak mendapat kemudahan Cuti Kuarantin.</p> <p>Contoh 2: Pegawai G telah diberi hak penjagaan sementara oleh adiknya yang bertugas di Majlis Daerah Bentong untuk menjaga anaknya yang berusia tujuh (7) tahun selama 45 hari untuk menunaikan fardhu haji. Selepas dua (2) minggu, anak jagaan sementara tersebut disahkan menghidap <i>chickenpox</i> dan diberi perakuan kuarantin selama enam (6) hari.</p> <p>Pegawai G layak mendapat Cuti Kuarantin selama lima (5) hari, tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am memandangkan perakuan bertulis ibu atau bapa anak tersebut diberi melebihi satu (1) bulan.</p>
7.	<p>Nyatakan keadaan yang tidak melayakkan pegawai mendapat kemudahan Cuti Kuarantin</p>	<p>Kemudahan Cuti Kuarantin tidak layak diberikan bagi keadaan yang berikut:</p> <p>(i) ibu dan bapa yang anaknya tidak mendapat penyakit berjangkit tetapi dibimbangi boleh menjadi pembawa penyakit berjangkit kerana terdapat anak-anak di taska/sekolah yang disahkan mendapat penyakit berjangkit; dan</p> <p>(ii) ibu bapa yang anaknya disahkan sihat tetapi taska/sekolah telah diisytihar sebagai kawasan yang dikuarantin untuk mencegah daripada merebaknya penyakit berjangkit.</p>